

BAB 1: PENGENALAN

Bahasa Mandarin juga dikenali sebagai Bahasa Cina dan *Putonghua* dan merupakan bahasa nasional (*Guoyu*) negara China. Istilah *Putonghua* lebih lazim digunakan di negara China. Pereltsvaig (2012) mengkategorikan bahasa Cina dalam keluarga bahasa Sino-Tibetan. Keluarga bahasa Sino-Tibetan merupakan keluarga bahasa yang kedua besar dari segi bilangan penuturnya setelah keluarga bahasa Indo-European. Namun, bahasa Cina merupakan bahasa yang mempunyai paling ramai penutur di dunia, iaitu 14% daripada populasi di dunia bertutur dalam bahasa tersebut, dan 92% daripada penutur bahasa Cina berasal dari negara China (Pereltsvaig, 2012). Justeru itu, pembangunan ekonomi di negara China kebelakangan ini telah menyebabkan bahasa Cina menjadi bahasa yang berkembang dengan pesat di dunia. Perkembangan pesat bahasa Mandarin kini boleh diibaratkan sebagai perkembangan bahasa Inggeris pada awal abad ke-19. Meskipun begitu, sebab utama perkembangan pesat bahasa Inggeris pada masa itu ialah kekolonialan seperti di India dan Nigeria (Cenoz & Jessner, 2000), manakala sebab utama perkembangan bahasa Mandarin kini ialah nilai ekonominya (Hafner, Jaret, Liptak, & Rai, 2006).

Keupayaan bertutur dalam bahasa Mandarin dapat meningkatkan daya saing seseorang di pasaran dunia, terutamanya pasaran di negara China yang mempunyai lebih daripada 1.3 bilion penduduk. Tambahan pula, negara-negara serantaunya seperti Taiwan, Hong Kong, Singapura dan Malaysia juga menggunakan bahasa Mandarin secara meluas. Bertitik tolak daripada itu, negara-negara seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom telah membentuk semula kurikulum masing-masing untuk memasukkan subjek bahasa Mandarin sebagai bahasa asing dalam kurikulum mereka (Axelson, 2006; Smith, 2006; Warner, 2007).

Menurut Pietiläinen (2011), kajian yang dijalankan dari tahun 1995 ke tahun 2005 untuk mendapat pandangan orang awam terhadap bahasa asing yang dianggap berguna untuk orang Eropah, didapati bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling berguna, diikuti dengan bahasa German dan bahasa Perancis. Namun, kepopularan ketiga-tiga bahasa tersebut semakin merosot kebelakangan ini, terutama sekali bahasa Jerman dan bahasa Perancis. Walaupun Bahasa Mandarin berada dalam kedudukan yang rendah pada tahun 1995, tetapi kepopularannya telah meningkat dua kali ganda pada tahun 2005 dan dijangka akan meningkat lagi selepas tahun 2005 (Pietiläinen, 2011). Mengikut laporan KPT (2010), kepopularan bahasa asing di universiti Malaysia mengikut permintaan pelajar ialah bahasa Mandarin, diikuti dengan bahasa Perancis dan bahasa Arab yang menjadi semakin popular baru-baru ini. Jelas dilihat, pembelajaran bahasa Mandarin telah menjadi trend global dan juga merupakan bahasa yang popular di pentas dunia. Hal ini demikian kerana bahasa yang dipertuturkan secara meluas di dunia bukannya bahasa Inggeris, bahasa Perancis ataupun bahasa Sepanyol, bahkan ialah bahasa Mandarin (NEA Today, 2004), dan juga disebabkan nilai bahasa Mandarin dari segi ekonominya.

1.1 Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Ketiga

Menurut Littlewood (1988), bahasa kedua merujuk kepada bahasa selain daripada bahasa ibunda yang mempunyai persekitaran untuk berkomunikasi dalam komuniti orang yang mempelajari bahasa itu. Manakala bahasa asing ialah bahasa yang dipelajari dalam komuniti yang tidak mempunyai persekitaran untuk berkomunikasi, tetapi bahasa itu berfungsi di luar komuniti. Li dan Jiang (2010) bersetuju dengan pandangan tersebut dan mengatakan bahawa walaupun terdapat orang yang mempelajari dan menggunakan bahasa ketiga, bahasa keempat dan sebagainya, tetapi terdapat banyak kesamaan dari segi strategi pembelajaran dan perolehan bahasa. Maka, secara amnya


pembelajaran bahasa selain daripada bahasa pertama ataupun bahasa ibunda, semua digolongkan ke dalam kumpulan bahasa kedua. Mereka juga berpendapat bahawa bahasa kedua juga merujuk kepada mereka yang mempelajari dan menggunakan bahasa sasaran di tempat belajar selain daripada bahasa pertama. Misalnya, orang Eropah mempelajari dan menggunakan bahasa Mandarin di negara China. Manakala, sekiranya orang Malaysia mempelajari bahasa Jepun, bahasa Perancis ataupun bahasa Sepanyol di Malaysia, bahasa tersebut dikenali sebagai bahasa asing kerana bahasa yang dipelajari itu tidak mempunyai persekitaran yang sesuai untuk menggunakannya di tempat belajar (Cenoz & Jessner, 2001).

Manakala Hammarberg (2010) menghujahkan bahawa banyak pengkaji atau pakar bahasa menganggap semua perkara yang berkaitan dengan perolehan dan penggunaan bahasa bukan penutur natif sebagai “bahasa kedua”, tanpa mengambil kira perbezaan pengalaman pembelajaran bahasa individu dan pengaruh yang mungkin wujud dalam proses perolehan daripada bahasa ibunda yang diketahui pelajar. Beliau menggunakan istilah bahasa ketiga, iaitu bahasa yang digunakan oleh penutur bukan natif ataupun bahasa yang diperolehi dalam situasi yang merujuk kepada seseorang yang telah mempunyai pengetahuan lebih daripada satu bahasa kedua. Selain itu, beliau memperkenalkan penggunaan istilah bahasa “primer”, “sekunder” dan “tertiari” untuk menggantikan penggunaan bahasa pertama, bahasa kedua dan bahasa ketiga yang telah lama digunakan dalam kalangan bidang bahasa.

Dari segi konteks Malaysia, Malaysia boleh dikatakan ialah sebuah negara atau masyarakat yang bersifat pelbagai bahasa. Ini kerana Malaysia ialah sebuah negara majmuk yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi. Tambahan, Malaysia juga pernah dikolonial oleh British, jadi selain daripada bahasa ibunda masing-masing, kebanyakan rakyat Malaysia juga fasih dalam bahasa nasional ataupun bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Mengikut Ardi (2005), kewujudan negara atau masyarakat

yang bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa adalah kerana negara tersebut mempunyai pelbagai bangsa, budaya dan etnik. Sungguhpun rakyatnya bertutur lebih daripada satu bahasa dalam sesebuah negara pelbagai bahasa, tidak semestinya setiap rakyat boleh bertutur lebih daripada satu bahasa.

Dengan itu, sistem pendidikan di Malaysia menjadi unik dan kompleks jika dibandingkan dengan negara lain. Pendidikan sekolah rendah di Malaysia merangkumi tiga jurusan, iaitu sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil. Sekolah tersebut menggunakan bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar masing-masing. Secara amnya, rakyat Malaysia sekurang-kurangnya menguasai dua bahasa, yakni bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Malahan kebanyakan orang Cina di Malaysia menguasai tiga bahasa, iaitu selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, mereka juga menguasai bahasa Cina yang merupakan bahasa ibunda mereka. Sungguhpun majoriti pelajar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina terdiri daripada kaum Cina, terdapat juga kaum Melayu, India, Iban dan kaum-kaum lain memasuki sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Rajah 1.1 menerangkan pengajaran bahasa Cina dalam sistem pendidikan Malaysia.



Rajah 1.1: Pengajaran Bahasa Cina dalam Sistem Pendidikan Malaysia

Pengajaran bahasa Cina dalam sistem pendidikan Malaysia yang ditunjukkan pada rajah 1.1 mempunyai objektif dan kurikulum masing-masing. Di sekolah rendah

jenis kebangsaan Cina dan sekolah Cina Swasta, bahasa Cina bukan sahaja diajar sebagai satu subjek, bahasa tersebut juga merupakan bahasa pengantar untuk semua subjek yang diajar. Manakala, bahasa Cina di sekolah menengah kebangsaan cuma merupakan satu subjek yang ditawarkan di sekolah tertentu. Namun begitu, bahasa Cina juga ditawarkan di peringkat tertuari, yakni Jabatan Pengajian Tionghua di Universiti Malaya menawarkan kursus kesusasteraan Cina, dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia menawarkan kursus bahasa Cina Moden. Selain daripada itu, universiti-universiti di Malaysia termasuk juga kedua-dua universiti tersebut, menawarkan bahasa Mandarin sebagai subjek elektif ataupun sebagai salah satu subjek bahasa ketiga yang wajib diambil oleh pelajar sebagai subjek keperluan universiti.

Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) ialah satu subjek baharu yang diperkenalkan sempena dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang berkuat kuasa pada 3^{hb} Januari 2011. KSSR telah menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Ini merupakan satu langkah transformasi kurikulum persekolahan untuk menyusun semula dan penambahbaikan kurikulum sedia ada, supaya pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa pelajar dapat dipenuhi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pada tahap satu, kurikulum KSSR dikategorikan kepada tiga modul utama, iaitu modul teras asas, modul teras tema dan modul elektif. BCSK merupakan salah satu subjek bahasa dalam kategori modul elektif KSSR.

Untuk membezakan pengajaran bahasa Cina untuk kajian ini dengan pengajaran bahasa Cina lain dalam sistem pendidikan di Malaysia, istilah bahasa Mandarin digunakan. Bahasa Mandarin untuk kajian ini merujuk kepada kursus elektif atau kursus yang wajib diambil oleh pelajar di peringkat universiti untuk kaum bumiputra, terutamanya kaum Melayu. Pelajar yang mengikuti kursus ini tidak mempunyai

sebarang pengetahuan bahasa Cina sebelum mengikuti kursus ini, akan tetapi mereka telah menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai subjek elektif di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia hampir sama dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa ketiga di Eropah. Di Eropah, salah satu polisi pendidikan yang dipraktikkan oleh Kesatuan Eropah (EU) ialah setiap orang di Eropah selain daripada menguasai bahasa ibunda, dia harus menguasai dua bahasa asing lagi, iaitu bahasa Inggeris dan satu lagi bahasa negara jiran ataupun bahasa Asia seperti bahasa Mandarin, bahasa Arab dan sebagainya (Pietiläinen, 2011). Pilihan golongan bahasa negara jiran ataupun bahasa Asia tersebut dianggap sebagai bahasa ketiga di Eropah. Sehubungan dengan itu, istilah bahasa Mandarin untuk kajian ini juga merujuk kepada pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa ketiga kepada penutur bukan natif, khususnya untuk orang Melayu.

1.2 Kurikulum Bahasa Mandarin di IPTA

IPTA di Malaysia menawarkan pelbagai bahasa Asia dan bahasa Eropah sebagai bahasa ketiga ataupun bahasa asing untuk pelajar bukan penutur natif. Bahasa Mandarin merupakan salah satu bahasa ketiga yang ditawarkan di IPTA untuk pelajar bukan penutur natif sama ada sebagai subjek elektif ataupun subjek wajib di universiti. Namun, kebanyakan universiti di Malaysia menawarkan bahasa Mandarin sebagai salah satu subjek elektif. Untuk kajian ini, bahasa Mandarin ditawarkan sebagai salah satu bahasa Asia dan bahasa Eropah yang wajib diambil oleh pelajar kerana keperluan universiti.

Di Malaysia, kurikulum setiap subjek yang ditawarkan di IPTA direka dan dirancang oleh universiti masing-masing, kemudian rancangan ataupun cadangan kurikulum tersebut dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapat kelulusan. Lantaran itu, kurikulum bahasa Mandarin di setiap IPTA adalah

berlainan. Terdapat universiti yang menggunakan huruf Rumi ataupun dikenali sebagai sistem Hanyu Pinyin sahaja tanpa tulisan Cina (Hanzi) untuk mengajar bahasa Mandarin, manakala terdapat juga universiti yang menggunakan sistem Hanyu Pinyin dan tulisan Cina dalam pengajaran bahasa Mandarin. Hal ini bergantung kepada objektif kurikulum masing-masing. Walau bagaimanapun, tujuan utama penawaran bahasa ketiga atau bahasa asing, seperti bahasa Mandarin di IPTA Malaysia adalah untuk melahirkan graduan yang boleh bertutur satu lagi bahasa selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Sistem Hanyu Pinyin diperkenalkan di negara China pada tahun 1958. Ia merupakan satu sistem yang menggunakan abjad iaitu huruf Rumi untuk menyebut tulisan Cina. Ini kerana *“The Chinese use a logographic system of writing which does not represent the pronunciation of words in the same way as alphabetic systems do... Chinese use pitch to distinguish words”* (Pereltsvaig, 2012, hlm.126). Memandangkan tulisan Cina menggunakan sistem logorafik bukan sistem abjad Rumi, maka ia memerlukan sesuatu alat bantu ataupun panduan untuk menyebut tulisan Cina. Tanpa sistem Hanyu Pinyin adalah agak susah untuk menyebut tulisan Cina, terutama sekali bagi mereka yang bukan penutur natif. Sungguhpun demikian, mengikut sebutan seseorang yang telah menguasai bahasa Mandarin merupakan kaedah yang paling baik untuk menyebut tulisan Cina. Kurikulum bahasa Mandarin untuk kajian ini menggunakan sistem Hanyu Pinyin tanpa tulisan Cina untuk mengajar bahasa Mandarin. Pelajar cuma perlu mengenali lebih kurang 50 perkataan tulisan Cina yang terpilih dan ditetapkan dalam sukatan pelajaran kursus bahasa Mandarin pada tahap III.

1.3 Penyataan Masalah

Setiap kursus yang ditawarkan di universiti dimulakan dengan membentuk atau mereka kurikulum yang merangkumi pelbagai aspek seperti objektif, kaedah

pelaksanaan, bahan pengajaran, kaedah penyampaian dan lain-lain lagi. Selain dari aspek kandungan kurikulum tersebut, banyak faktor lain yang mempengaruhi keberkesanan dan kejayaan sesuatu kursus yang ditawarkan, contohnya proses pelaksanaan kurikulum, kelengkapan kelas, gaya pembelajaran pelajar dan sebagainya (Parlett & Hamilton, 1977). Bahasa Mandarin termasuk bahasa ketiga atau bahasa asing lain yang ditawarkan di IPTA, sentiasa dipertikaikan dari segi keupayaan pelajar bertutur bahasa yang dipelajari setelah mengikuti kursus berkenaan. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan ia berlaku di mana-mana negara. Hal ini telah dinyatakan oleh Johnson (2001), beliau mengatakan pencapaian pelajar setelah tamat kursus bahasa asing di beberapa negara di Eropah, termasuk di negara United Kingdom amat rendah.

Menurut analisis pencapaian pelajar daripada Unit Bahasa Mandarin untuk kajian ini, terdapat 2641 pelajar sepenuh masa yang mengambil kursus bahasa Mandarin tahap III pada semester September 2011 hingga Disember 2011. Pencapaian pelajar secara keseluruhannya untuk bahasa Mandarin tersebut ialah 92.21%, yakni peratusan pelajar yang mendapat pangkat A ialah 58.12%, diikuti dengan 34.44% untuk pangkat B, 6.65% untuk pangkat C dan peratusan pelajar yang gagal ialah 0.79%. Sekiranya dianalisis secara terperinci, pencapaian pelajar dari aspek lisan iaitu 30% daripada markah keseluruhan, didapati 81% pelajar mendapat 20% dan ke atas. Namun, adakah pencapaian pelajar tersebut menggambarkan majoriti pelajar berkeupayaan bertutur dalam bahasa yang mereka pelajari dalam kehidupan harian setelah mengikuti kursus berkenaan? Keupayaan bertutur ditegaskan kerana tujuan utama kurikulum bahasa Mandarin tersebut secara amnya adalah untuk melahirkan pelajar, terutama sekali pelajar bumiputra yang boleh menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas dalam komuniti.

Hal tersebut seperti yang dipersoalkan oleh Henderson and Gornik (2007), yakni sejauhmana pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan yang baik dalam subjek yang mereka pelajari dapat mengaplikasikan apa-apa yang telah dipelajari, mengaitkan pengetahuan mereka dalam perbincangan secara kolaboratif, berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah secara kreatif. Dengan kata lain, pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang tidak semestinya dapat menggunakan pengetahuan yang dipelajari dalam kehidupan harian, apatah lagi pencapaian pelajar yang kurang memuaskan. Persoalan tersebut juga boleh diaplikasikan untuk pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin di IPTA.

Tambahan pula, sebelum fokus untuk kajian ini ditetapkan, satu kajian tentang analisis keperluan pelajar terhadap kursus bahasa Mandarin dan penilaian buku teks untuk kursus berkenaan telah dijalankan oleh Heng, Neo dan Teh (2009). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa objektif kurikulum bertulis adalah selaras dengan keperluan pelajar yang mengambil kursus ini. Ini dapat dilihat dari segi pelajar memberi keutamaan kepada empat aspek kemahiran bahasa yang asas mengikut turutan kepentingan kemahiran bahasa masing-masing. Kebanyakan pelajar memberi keutamaan kepada kemahiran bertutur dan mendengar daripada kemahiran membaca dan menulis. Dapatan tersebut menunjukkan terdapat kesejajaran antara objektif kursus bahasa Mandarin dengan keperluan pelajar, iaitu memfokus kepada kemahiran berkomunikasi agar pelajar dapat bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas dalam kehidupan harian.

Selain itu, faktor yang memotivasikan pelajar memilih kursus bahasa Mandarin ini ialah pelajar ingin menguasai satu bahasa lagi dan juga kerana nilai ekonomi bahasa Mandarin. Pelajar berpendapat bahawa fasih dalam satu bahasa lagi, khususnya bahasa Mandarin dapat meluaskan peluang kerjaya mereka pada masa depan. Kajian tersebut

juga menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar bersetuju bahawa kandungan bahan pengajaran berkenaan adalah sesuai dan memenuhi keperluan mereka.

Jelas dilihat, kursus bahasa Mandarin yang ditawarkan dan buku teks yang digunakan adalah sesuai dan memenuhi keperluan pelajar. Maka, adakah pelajar dapat bertutur dalam bahasa Mandarin seperti yang diharapkan oleh universiti setelah mereka mengikuti kursus tersebut? Fenomena tersebut harus diterokai secara terperinci.

Menurut Thornton (1985a) sekiranya perancang kurikulum berhasrat untuk memperbaiki kualiti dalam pendidikan, mereka harus mempertimbangkan hubungan antara niat guru, tindakan guru serta pengajaran guru dapat diaplikasikan oleh pelajar. Memandangkan sasaran kurikulum ialah pelajar, dan guru merupakan orang yang menyampaikan kurikulum kepada pelajar, maka guru ialah ejen antara perancang atau pereka kurikulum dengan pelajar. Kepentingan dan peranan guru dalam proses pelaksanaan kurikulum adalah seperti yang diujahkan oleh McCutcheon (1988, dlm. Schwartz, 2006) seperti berikut:

Teachers are the filters through which the mandated curriculum passes. Their understanding of it, and their enthusiasm, or boredom, with various aspects of it, colours its nature. Hence, the curriculum enacted in classrooms differs from the one mandated by administrators or developed by experts (hlm. 198).

McCutcheon mengatakan guru adalah sebagai penuras semasa melaksanakan kurikulum bertulis. Kefahaman, keghairahan atau kebosanan guru terhadap kurikulum bertulis dan aspek-aspek lain lagi akan mempengaruhi keasalan kurikulum bertulis. Ini menyebabkan kurikulum yang dilaksanakan dalam kelas berbeza dengan kurikulum bertulis yang ditetapkan oleh pihak pengurusan ataupun yang direka oleh pakar.

Melalui penjelasan di atas, dapat dilihat kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari adalah penting untuk menentukan keberkesanan kursus bahasa Mandarin yang ditawarkan di universiti. Hal ini demikian kerana kesejajaran kurikulum tersebut akan memastikan segala yang dirancang, ditulis dalam kurikulum bertulis dapat disampaikan oleh guru kepada pelajar

dengan jayanya. Meskipun begitu, tidak banyak kajian tentang pelaksanaan kurikulum dijalankan di Malaysia. Kajian-kajian tentang pelaksanaan kurikulum di Malaysia cenderung kepada kajian penilaian kurikulum untuk kurikulum KBSR (Azizah, 1987; Wong, 1988), kurikulum KBSM (Dahab, 1999; Gregory, 1993), kurikulum bersepadu (Ahmad, 1997; De La Cruz, 2000) dan kurikulum Sekolah Bestari (Pang, 2005). Kajian-kajian tersebut berkaitan dengan kurikulum secara keseluruhan untuk satu sistem tertentu, kajian untuk sesuatu subjek atau kursus yang khusus, terutamanya untuk kursus bahasa Mandarin masih belum dijalankan setakat ini.

Selain itu, kajian-kajian lepas tentang kursus bahasa Mandarin di universiti tempatan menumpukan perhatian kepada fonetik (Lee, 1988; Wee, 2002), tatabahasa (Low, Teh, & Teo, 2005), teknologi komputer untuk belajar bahasa Mandarin (Chuah, 2004; Ghee, 2008; Ong, 2002; Quik, 2007), tulisan Cina (Hoe, 2008), motivasi (Tan, 2010; Zubairi & Sarudin, 2009) dan penilaian bahan pengajaran kursus bahasa Mandarin (Heng, Neo, & Teh, 2009). Kajian dibuat dengan tujuan untuk mengkaji dan meneliti pelaksanaan kurikulum bahasa Mandarin, khususnya di peringkat tertiar masih belum dijumpai. Kajian ini secara umum dapat mengisi jurang kajian dalam bidang kurikulum, khususnya dalam bidang bahasa Mandarin.

Memandangkan setakat ini masih belum ada kajian yang dijalankan untuk meneliti proses pelaksanaan kurikulum bahasa Mandarin dari segi kesejajaran antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari, maka kajian ini amat sesuai dilaksanakan. Kajian ini bukat setakat meneliti fenomena keupayaan pelajar bertutur bahasa Mandarin melalui proses pelaksanaan kurikulum dalam kelas secara menyeluruh, bahkan pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin juga dikaji. Di samping itu, kajian ini dapat mempelbagaikan kajian dalam bidang pendidikan di Malaysia.

1.4 Rasional Kajian

Bahasa Mandarin telah lama ditawarkan di kebanyakan IPTA di Malaysia, tetapi kajian yang dijalankan ke atasnya amat terhad. Setakat ini, masih belum ada kajian yang dibuat dalam bidang kurikulum bahasa Mandarin, termasuk pelaksanaan kurikulum bahasa Mandarin. Kajian tentang pelaksanaan kurikulum telah menjadi fokus utama pada akhir tahun 60-an dan awal tahun 70-an di barat (Snyder, Bolin, & Zumwalt, 1992). Mereka mendapati semakin banyak pengkaji lebih berminat untuk mengkaji pelaksanaan kurikulum dari segi pengalaman guru dan pelajar terhadap kurikulum untuk sesuatu subjek daripada mengkaji bagaimana sesuatu kurikulum dilaksanakan ataupun diadaptasikan oleh guru. Pengkaji untuk kajian ini mempunyai lebih daripada 10 tahun pengalaman mengajar bahasa Mandarin di IPTA. Beliau menyedari kepentingan pelaksanaan kurikulum dari segi kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis, kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari. Ini kerana walaupun terdapat kurikulum bertulis yang terbaik di dunia, tetapi sekiranya cuma sebahagian daripada kurikulum itu dapat disampaikan oleh pensyarah kepada pelajar, ataupun perkara yang dapat dipelajari pelajar cuma sebahagian daripada perkara yang disampaikan oleh pensyarah, maka objektif kurikulum bertulis atau yang dirancang tidak akan tercapai. Perkara tersebut sebagaimana yang dikatakan oleh Ruiz-Primo (2006), yakni program pendidikan yang terbaik tidak akan mendapat impak yang diinginkan sekiranya elemen-elemen penting tidak dilaksanakan dengan baik.

Secara amnya, kajian ini diharap dapat mempelbagaikan kajian dalam bidang bahasa. Kajian ini mengalih hala tuju pengkaji bahasa yang biasanya menumpu perhatian kepada kajian linguistik, pedagogi dan gaya pembelajaran kepada meneliti dan mengkaji kursus bahasa dari sudut pembentukan dan pelaksanaan kurikulum. Meskipun demikian, tidak dinafikan pedagogi dan gaya pembelajaran juga mempengaruhi

keberkesanan pelaksanaan kurikulum yaitu kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari.

1.5 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesejajaran antara kurikulum bahasa Mandarin dengan pelaksanaannya, yakni kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari di salah satu IPTA secara kualitatif. Kajian ini fokus kepada meneliti bagaimana kurikulum bertulis bahasa Mandarin untuk komunikasi dilaksanakan oleh pensyarah dalam kelas dan pembelajaran pelajar berdasarkan pengajaran pensyarah dalam kelas. Dengan itu, fenomena tentang keupayaan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus berkenaan dapat diterokai dan difahami dari aspek proses pelaksanaan kurikulum. Di samping itu, kajian ini juga meneliti pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian tersebut, tiga soalan kajian telah dibentuk seperti berikut:

1. Bagaimanakah pensyarah melaksanakan kurikulum bertulis bahasa Mandarin dalam kelas?
2. (i). Apakah kurikulum bahasa Mandarin yang dipelajari pelajar dalam kelas?
(ii). Apakah pengalaman pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin?
3. Bagaimanakah kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari dalam kelas bahasa Mandarin?

1.7 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kurikulum bahasa Mandarin untuk kajian ini yang fokus kepada komunikasi adalah sesuai dan memenuhi keperluan pelajar yang mengambil subjek ini. Namun, keupayaan pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin setelah mengikuti kursus berkenaan sering dipertikaikan. Maka, kajian ini adalah penting untuk meneliti fenomena tersebut melalui pelaksanaan kurikulum bahasa Mandarin dari aspek kesejajaran kurikulum antara kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran; kurikulum pengajaran dengan kurikulum dipelajari; kurikulum bertulis dengan kurikulum dipelajari dan juga kesejajaran antara ketiga-tiga jenis kurikulum serta pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin.

Bahasa Mandarin merupakan salah satu daripada tujuh bahasa ketiga atau bahasa asing yang ditawarkan dan wajib diambil oleh pelajar untuk program Ijazah Sarjana Muda dan program Diploma di universiti ini. Sungguhpun begitu, tidak pernah ada kajian yang dijalankan ke atas pelaksanaan kurikulum bahasa ketiga di universiti ini, termasuk kursus bahasa Mandarin yang telah ditawarkan di universiti ini sejak tahun 60-an. Kajian-kajian lepas tentang pelaksanaan kurikulum yang dijalankan di Malaysia agak terhad. Kajian-kajian tersebut menumpu perhatian kepada kajian tentang kurikulum di peringkat sekolah seperti KBSR, KBSM dan sekolah Bestari. Secara amnya, kajian-kajian tersebut memfokus kepada pengajian kurikulum sebagai satu sistem secara keseluruhan, bukan terhadap sesuatu subjek yang khusus.

Sehubungan dengan itu, kajian ini menyumbang kepada mempelbagaikan kajian dalam pendidikan, khususnya dalam bidang pembangunan kurikulum, yakni mengisi jurang yang wujud dalam kajian pelaksanaan kurikulum, terutama sekali untuk subjek bahasa Mandarin di IPTA. Di samping itu, kajian ini juga memberi gambaran yang menyeluruh dan holistik tentang pembentukan kurikulum bertulis, bagaimana kurikulum

bertulis itu dilaksanakan dari segi penyampaian pensyarah dan perkara yang sebenarnya dipelajari pelajar dalam kelas serta pengalaman pelajar mempelajari bahasa Mandarin.

Memandangkan sasaran utama kurikulum ialah pelajar, maka pendapat dan maklum balas pelajar terhadap kurikulum yang dipelajari amat diperlukan. Ini adalah untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta menyemak semula kurikulum yang sedia ada. Di samping itu, pensyarah ialah ejen yang menyampaikan kurikulum bertulis kepada pelajar, maka kepentingan peranan pensyarah juga tidak boleh dinafikan. Pelaksanaan kurikulum bertulis adalah dalam tangan pensyarah. Justeru itu, faktor-faktor seperti kepercayaan pensyarah, kaedah pengajaran, pengetahuan dan kefahaman pensyarah terhadap kurikulum berkenaan, dan persepsi pensyarah terhadap pelajar akan menentukan tahap kesejajaran kurikulum bertulis dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari. Selain itu, pendapat pensyarah dalam kajian ini juga amat diperlukan agar pengajaran menjadi lebih berkesan, dan memberi maklum balas kepada perancang kurikulum untuk mereka kurikulum baharu, ataupun menyemak semula kurikulum yang sedia ada.

Umumnya, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai pengetahuan asas atau rujukan untuk kajian dalam bidang kurikulum bahasa Mandarin di IPTA. Ini kerana tidak ada kajian dibuat dalam aspek tersebut setakat ini. Malahan, aspek kajian ini berbeza dari aspek kajian perolehan bahasa, tatabahasa, kaedah pengajaran dan gaya pembelajaran serta fonetik. Kajian ini memberi manfaat kepada IPTA dan perancang kurikulum dari segi perancangan dan pelaksanaan kurikulum untuk bahasa ketiga ataupun bahasa yang setara dengannya. Selain itu, dapatan kajian ini membolehkan pensyarah bahasa membuat refleksi tentang pengajaran mereka agar memanfaatkan pelajar khasnya dan masyarakat umum amnya.

1.8. Batasan Kajian

Kajian ini dibuat ke atas tiga kelas bahasa Mandarin pada tahap III di sebuah IPTA, Malaysia. Ruang lingkup kajian ini hanya memberi tumpuan kepada tiga orang pensyarah dan sembilan orang pelajar, yakni seorang pensyarah dan tiga orang pelajar daripada setiap kelas. 12 orang peserta kajian ini telah dipilih untuk menjalankan temu bual secara mendalam.

Pemerhatian kelas terhadap pensyarah telah dijalankan sebanyak 3 kali untuk setiap kelas sepanjang masa kajian ini dijalankan. Hanya kelas yang sedang mengikuti bahasa Mandarin pada peringkat akhir, iaitu pada tahap III daripada ketiga-tiga pensyarah berkenaan dipilih untuk kajian ini. Ini kerana pelajar pada tahap III telah mengikuti kurikulum bahasa Mandarin pada tahap I dan tahap II. Temu bual dijalankan setelah pemerhatian kelas ataupun dalam masa seminggu setelah kelas pemerhatian dijalankan berdasarkan kesesuaian masa peserta kajian. Temu bual tidak dapat dijalankan terus setelah pemerhatian kelas kerana kekangan jadual waktu pensyarah dan pelajar.

Memandangkan objektif kurikulum bahasa Mandarin ini adalah untuk melahirkan graduan yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin pada tahap asas dalam kehidupan harian, maka tumpuan kajian diberi kepada kemahiran bertutur dan mendengar, tidak termasuk kemahiran menulis dan membaca tulisan Cina. Pelajar belajar bahasa Mandarin tanpa tulisan Cina, mereka menggunakan sistem Hanyu Pinyin untuk belajar bahasa Mandarin. Namun, lebih kurang 50 perkataan tulisan Cina telah diperkenalkan pada tahap III, yakni untuk mengenal dan membaca sahaja.

Di samping itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua universiti yang menawarkan subjek bahasa Mandarin kerana setiap universiti mempunyai kurikulum bahasa Mandarin masing-masing. Meskipun begitu, metodologi

kajian ini boleh digunakan untuk mengkaji bahasa lain ataupun diadaptasi untuk digunakan dalam konteks yang lain.

Memandangkan kajian ini memfokus kepada pelaksanaan kurikulum, iaitu proses pensyarah merealisasikan kurikulum bertulis dalam kelas dan perkara yang pelajar belajar berdasarkan pengajaran pensyarah dalam kelas, maka kajian ini tidak menjawab persoalan dari segi kepercayaan, sikap dan kecekapan profesional pensyarah dan gaya pembelajaran pelajar. Penegasan kajian ini terbatas kepada meneliti pelaksanaan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari dalam kelas bahasa Mandarin berkenaan. Dapatan kajian ini juga tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pensyarah yang mengajar ataupun pelajar yang belajar bahasa Mandarin.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini merupakan maklumat berguna untuk perancang kurikulum bahasa, khususnya untuk mereka atau menyemak semula kurikulum bahasa ketiga ataupun bahasa asing. Ia juga berguna untuk mempertingkatkan dan penambahbaikan pengajaran pensyarah, begitu juga untuk keberkesanan pembelajaran pelajar.

1.9 Definisi Istilah

Bahasa Mandarin

Bahasa Mandarin merujuk kepada salah satu bahasa ketiga yang ditawarkan di IPTA di Malaysia untuk pelajar bukan penutur natif, terutamanya untuk pelajar bumiputra yang tidak mempunyai sebarang pengetahuan bahasa Cina sebelum menyertai kursus bahasa Mandarin.

Bahasa Ketiga

Bahasa tambahan yang dipelajari oleh pelajar yang telah menguasai dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk kajian ini. Mereka mempunyai persekitaran yang sesuai untuk mempraktikkan bahasa dalam komuniti tempat belajar.

Tulisan Cina

Tulisan yang berbentuk logografik dan mempunyai pelbagai strok. Setiap tulisan Cina mempunyai bentuk, sebutan dan makna. Tulisan Cina juga dikenali sebagai aksara Cina, karakter Cina dan huruf Cina.

Sistem Hanyu Pinyin

Satu set simbol fonetik yang menggunakan huruf Rumi untuk menghuraikan suku kata bahasa Mandarin. Suku kata dalam tulisan Cina mengandungi tiga komponen iaitu fonem awal, fonem akhir dan nada. Secara amnya, terdapat 21 fonem awal, 38 fonem akhir dan 4 jenis nada dalam sistem Hanyu Pinyin.

Kesejajaran

Perihal keadaan sejajar atau selaras. Kesejajaran untuk kajian ini merujuk kepada memerihalkan keselarasan kandungan kurikulum bertulis bahasa Mandarin dengan kurikulum pengajaran dan kurikulum dipelajari.

Kurikulum Bertulis

Dokumen yang dikeluarkan oleh perancang kurikulum ataupun pihak pengurusan. Ia merupakan panduan untuk pengajaran dan pembelajaran. Dokumen kurikulum bertulis merangkumi objektif kursus, sukatan pelajaran, informasi kursus, skema minggu, kalendar akademik, spesifikasi penilaian, buku teks, bahan rujukan dan sebagainya.

Kurikulum Pengajaran

Pengajaran yang sebenarnya disampaikan oleh pensyarah dalam kelas berdasarkan kebolehan, kepercayaan, sikap, pengetahuan dan kefahaman pensyarah terhadap kurikulum tertentu, termasuk kaedah pengajaran yang digunakan dan aspek lain lagi.

Kurikulum Dipelajari

Pengajaran pensyarah yang telah dipelajari atau dialami oleh pelajar dalam kelas.